

**Pengumuman Media**  
**Diembargo sehingga 5.00ptg, Jumaat, 19 April 2024**



### **361 ORANG PELAJAR BAHASA MELAYU DILANTIK SEBAGAI RAKAN BAHASA**

Jumaat, 19 April 2024 – Seramai 361 orang pelajar dari 182 buah sekolah berkumpul di Singapore Discovery Centre untuk memulakan tugas mereka sebagai Rakan Bahasa. Ditugaskan untuk melestarikan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan rakan-rakan dan keluarga mereka, pelajar-pelajar ini melafazkan sebuah ikrar berbentuk sajak yang dikarang oleh Jawatankuasa Kecil Rakan Bahasa. Pelantikan Rakan Bahasa ini pula dirasmikan oleh Encik Zhulkarnain Abdul Rahim, Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa, ahli Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS).

“Pelajar-pelajar ini ialah masa depan masyarakat kita. Mereka melambangkan harapan kita semua agar bahasa ibunda terus digunakan, dihargai dan dikembangkan. Sebahagian daripada mereka akan menjadi individu-individu yang akan menerajui kegiatan bahasa Melayu di masa hadapan. Kita mesti terus menggalakkan dan memupuk potensi mereka. Kami juga harus berterima kasih kepada para guru dan ibu bapa kerana mengenal pasti dan mengkedepankan para pelajar ini sebagai Rakan Bahasa,” kata Encik Zhulkarnain.

Pengacara bagi majlis tersebut merupakan dua orang Rakan Bahasa yang dilantik pada 2018, Reyna Sofyan dan Dyan Nurqaisara, bekas pelajar Sekolah Menengah Perempuan Cedar. Kini, Reyna dan Dyan yang berusia 21 tahun merupakan mahasiswa di Universiti Nasional Singapura dalam jurusan Kejuruteraan Bioperubatan (Biomedical Engineering) dan Komunikasi & Media Baharu (Communications & New Media).

“Kami amat teruja untuk kembali dan bertemu Rakan Bahasa yang baharu. Kami berharap bahawa pelajar-pelajar ini akan seronok menjalankan tugas sebagai Rakan Bahasa seperti kami sewaktu di menengah tiga. Pelantikan kami sebagai Rakan Bahasa telah membuka banyak peluang untuk memperdalam cinta kami terhadap bahasa Melayu. Keyakinan diri untuk menggunakan bahasa Melayu juga semakin meningkat. Di universiti, kami terus melibatkan diri dan menerajui pelbagai kegiatan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu,” kata Reyna dan Dyan.

Satu sesi latihan penulisan skrip juga telah dikendalikan oleh Duta Bahasa, Cik Aidli Mosbit di Majlis Pelantikan Rakan Bahasa 2024. Sebagai seorang penulis drama, pelakon, pengarah



**Pengumuman Media**  
**Diembargo sehingga 5.00ptg, Jumaat, 19 April 2024**

teater yang telah memenangi pelbagai anugerah dan penerima Anugerah Artis Muda, beliau memberikan panduan tentang penulisan skrip yang menarik. Ini dapat membantu Rakan Bahasa dalam Pertandingan TeeVers (lihat bahagian seterusnya untuk maklumat lanjut mengenai pertandingan tersebut). Beliau juga berkongsi beberapa tip berkaitan dengan intonasi suara untuk Rakan Bahasa yang akan merakamkan suara mereka untuk pertandingan tersebut.

Tempat bagi Majlis Pelantikan Rakan Bahasa 2024 ditaja oleh Singapore Discovery Centre.

**Program-program Rakan Bahasa yang Lain**

Terdapat program-program lain yang telah dirancang untuk para Rakan Bahasa pada tahun ini. Program-program ini dianjurkan untuk para pelajar memperdalam rasa cinta mereka terhadap bahasa Melayu dan membina keyakinan mereka untuk menggunakan bahasa ibunda.

**1. Penterjemah Pintar 2024**

Disokong oleh Jawatankuasa Penterjemahan Nasional (NTC), pertandingan **Penterjemah Pintar** kembali pada tahun ini. Dianjurkan sejak 2019, pertandingan ini bertujuan untuk melestarikan kerelevanan dan kepentingan berdwibahasa secara efektif dalam konteks seharian Rakan Bahasa. Pada tahun ini, pertandingan ini akan dianjurkan bersama oleh 4PM (Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu), Jawatankuasa Bulan Bahasa dan MBMS. Pertandingan ini akan diadakan pada 10 Mei 2024, di Wisma Geylang Serai untuk pasukan sekolah rendah yang berdaftar sahaja.

**2. Pertandingan TeeVers 2024**

**Pertandingan TeeVers** ialah pertandingan yang dianjurkan bersama TeeVers Pte Ltd sejak 2018. Buat julung-julung kalinya, Pertandingan TeeVers bertukar kepada format drama audio pada tahun ini. Dalam pertandingan ini, Rakan Bahasa dikehendaki untuk menulis skrip 3 minit dan menghidupkan skrip tersebut dengan lakonan suara mereka. Tiga pasukan terbaik daripada setiap kategori (kategori sekolah rendah, kategori

**Pengumuman Media**  
**Diembargo sehingga 5.00ptg, Jumaat, 19 April 2024**



sekolah menengah dan kategori institusi pengajian tinggi) akan menerima sebuah trofi pasukan, pingat dan sijil.

**3. Kad Kembara Rakan Bahasa**

**Kembara Rakan Bahasa** merupakan kad aktiviti yang mencabar Rakan Bahasa untuk menyelesaikan tugas yang berbeza-beza, bagi mengasah kemahiran dan minat dalam bahasa Melayu. Kad aktiviti ini dilakarkan khusus bagi setiap peringkat sekolah yang iaitu sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Kad Kembara tahun 2024 menampilkan tugas-tugas baharu yang berkaitan dengan kemahiran membaca, menulis, bertutur dan aktiviti-aktiviti untuk menggalakkan pembelajaran bahasa Melayu. Rakan Bahasa yang menyelesaikan tugas-tugas ini akan menerima lencana eksklusif sebagai tanda pencapaian bagi mereka.

~~~

**Tentang Bulan Bahasa dan Majlis Bahasa Melayu Singapura**

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan diadakan dua tahun sekali. Sejak 2011, Bulan Bahasa menjadi sambutan tahunan yang terus menarik minat, penyertaan dan sokongan masyarakat.

Sebagai daya usaha unggul MBMS, Bulan Bahasa menggalakkan masyarakat menghargai dan menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dalam usaha melestarikan warisan masyarakat Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai MBMS dan Bulan Bahasa, sila lungsur [mbms.sg](http://mbms.sg), [@bulanbahasa](https://www.instagram.com/bulanbahasa) di Instagram dan [facebook.com/majlisbahasa](https://www.facebook.com/majlisbahasa).